

17/10/2002

Boleh bincang isu satu persatu: Hamid

Kadir Dikoh; Ahmad Fauzi Mustafa

SUBANG, Rabu - Malaysia tidak mempunyai masalah untuk membincangkan satu persatu semua isu tertangguh dalam pakej dua hala dengan Singapura, termasuk soal air, seperti desakan terbaru republik itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata ini kerana matlamat utama Kuala Lumpur ialah untuk menyelesaikan segera setiap isu itu, yang tertangguh begitu lama.

"Kita tidak berasa hairan dan kita tidak mempunyai masalah. Ini kerana tujuan kita untuk menyelesaikan setiap masalah yang tertunggak dengan Singapura.

"Kita berpendapat kalau dia nak bincangkan satu persatu, tak ada menimbulkan masalah bagi kita," katanya di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini sebelum berlepas ke Hyderabad bagi menyertai lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke India, Pakistan dan Arab Saudi.

Semalam, Singapura dilaporkan bukan saja bersetuju untuk membincangkan isu harga air secara berasingan seperti dikehendaki Malaysia, malah mahu isu tertangguh lain turut dibincangkan secara individu dan berasingan atas merit tersendiri dan bukan sebagai pakej.

Desakan terbaru itu dibuat empat hari selepas Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong bertegas mahu isu itu dibincangkan secara pakej.

Berikutan kenyataan Goh itu, Dr Mahathir mempersoalkan keikhlasan Singapura kerana sebelum ini Malaysia bersetuju isu air dibincangkan secara pakej, tetapi penyelesaian masih tidak dicapai.

Kini kata Perdana Menteri, apabila Malaysia mahu perbincangan air diasingkan, Singapura enggan berbuat demikian.

Selain air, pakej isu dua hala yang penyelesaiannya masih tertangguh termasuk pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan penempatan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin.

Bagaimanapun, belum diketahui secara rasmi sama ada cadangan terbaru Singapura itu turut dibincangkan pada mesyuarat dua hari peringkat pegawai kanan kedua-dua negara yang bermula di Johor Bahru hari ini.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak, yang mengetuai delegasi Malaysia, berkata pihaknya berusaha mencari penyelesaian berhubung isu air.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut kerana kenyataan rasmi akan dikeluarkan esok.

Pada mesyuarat itu, Singapura diketuai Setiausaha Tetap Kementerian Luarnya, Tan Chin Tiong. Mesyuarat yang bermula jam 9 pagi ini, turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Ayub Mion dan Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, K Kesavapany.

Mesyuarat itu turut mendapat liputan meluas media republik berkenaan dan agensi berita asing.

Sebelum itu, dua mesyuarat peringkat menteri sudah diadakan di Kuala Lumpur, Julai lalu dan di Singapura, bulan lalu, tetapi gagal mencapai kata sepakat.

Sementara itu, Syed Hamid ketika ditanya sama ada langkah untuk membincangkan soal air dan isu lain secara individu dan berasingan itu akan melewati lagi penyelesaian, berkata: "Saya tidak tahu, kita tunggu dan lihat."

Mengenai kemungkinan isu penetapan harga air memperoleh hasil positif

pada mesyuarat peringkat pegawai hari ini, beliau berkata: "Saya tak tahu kerana mereka baru memulakan perbincangan."

Di KUALA LUMPUR, Pemuda Umno menyambut baik keputusan terkini Singapura yang bersetuju membincangkan isu harga air dan isu lain secara berasingan dan berharap kali ini republik itu benar-benar serius serta tidak lagi cuba berdolak dalik.

Ketuanya, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata Pemuda Umno akan pegang kenyataan terkini Singapura berhubung isu itu.

Katanya, dari awal lagi Pemuda Umno berpendirian bahawa isu air tidak harus dicampuradukkan dengan isu lain dalam pakej hubungan dua hala kedua-dua negara.

Ditanya peranan serta hubungan Pemuda Umno dengan Pemuda Parti Tindakan Rakyat (PAP) Singapura, dalam isu terbabit, beliau berkata isu itu adalah di luar kuasa Pemuda Umno dan PAP, walaupun mereka pernah membangkitkan isu sama dalam pertemuan yang diadakan.

"Kita sedar peringkat tertinggi kedua-dua negara sedang membincangkannya. Hubungan kita dengan PAP seperti dulu dan saya sentiasa menghubungi mereka," katanya.